

Submission date: 5 Februari 2024 Acceptance date: 20 Mei 2024 Available online: 30 Jun 2024

PELAKSANAAN DAN PENERIMAAN PROGRAM YADIM PEDULI DALAM MELESTARIKAN BANTUAN KEMANUSIAAN

IMPLEMENTATION AND RECEPTION OF YADIM CARE PROGRAM IN PRESERVING HUMANITARIAN ASSISTANCE

ⁱ*Nor Raudah Hj Siren, ⁱⁱMasitah Esa, ⁱⁱⁱJuwairiah Hassan

Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM),
Aras 3-4, Blok D, Kompleks Pusat Islam Putrajaya,
Presint 3, 62100 Putrajaya, Malaysia

Jabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS),
Km 8, Jalan Gambang 25150 Kuantan Pahang, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: *raudah68@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v4.182>

ABSTRAK

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) merupakan sebuah organisasi dakwah yang menandai evolusi dakwah secara berorganisasi di negara ini. Sebagai sebuah badan yang berusaha menjalankan kegiatan dan menyelaraskan aktiviti dakwah dari pelbagai badan dakwah di Malaysia. Berdasarkan kepada tujuan penubuhan YADIM sebagaimana yang termaktub dalam Surat Ikatan Amanah YADIM bertarikh 25 Januari 1974 bersamaan 1 Muharram 1394H ialah; "*Memperkembangkan ugama Islam dan amnya bagi maksud kerja-kerja pendidikan, sosial dan kebajikan*". Oleh yang demikian, YADIM memiliki strategi dan manhaj tertentu terutama menyusun bantuan kemanusiaan, kebajikan dan kecemasan terhadap sasaran yang memerlukan melalui *signature* YADIM PEDULI. Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti program-program bantuan kemanusiaan yang dijalankan oleh YADIM dan menganalisis penerimaan masyarakat terhadapnya. Metode yang digunakan dalam kajian

ini ialah secara kuantitatif bagi menganalisis penerimaan masyarakat terhadap program bantuan kemanusiaan yang dijalankan melalui YADIM PEDULI. Kajian mendapati, YADIM PEDULI aktif dalam aktiviti membantu golongan asnaf, pesakit kronik, orang kelainan upaya (OKU), ibu tunggal, mualaf, anak yatim termasuk mangsa-mangsa bencana alam serta golongan lain yang memerlukan. Sumbangan antaranya berbentuk barang keperluan harian atau wang ringgit diberikan kepada masyarakat yang beragama Islam mahupun bukan Islam. Penerimaan masyarakat terhadap program ini adalah menggalakkan.

Kata Kunci: YADIM PEDULI, Bantuan Kemanusiaan, Manhaj Dakwah, *Dakwah Bil Hal*, Penerimaan Masyarakat

ABSTRACT

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) is an Islamic preaching organization that marks the evolution of organized preaching in this country. As a body striving to conduct and coordinate preaching activities among various preaching bodies in Malaysia, YADIM was established with the aim stated in its Trust Agreement dated January 25, 1974, equivalent to 1 Muharram 1394H: "To promote Islam and in general, for the purposes of educational, social, and welfare work." Therefore, YADIM employs specific strategies and methodologies, especially in organizing humanitarian aid, welfare, and emergency assistance through its YADIM CARE initiative. This article aims to identify the humanitarian aid programs carried out by YADIM and analyze their reception by the community. The study employs a quantitative method to analyze public acceptance of the humanitarian aid programs conducted through YADIM CARE. The study found that YADIM CARE is active in activities aiding the needy such as the asnaf group, chronic patients, persons with disabilities (OKU), single mothers, converts, orphans, disaster victims, and other disadvantaged groups. Contributions include daily necessities or monetary donations provided to both Muslim and non-Muslim communities. The community's reception of these programs is encouraging.

Keywords: YADIM CARE, Humanitarian Aid, Preaching Methodology, Contextual Preaching, Community Reception

PENGENALAN

Metodologi dakwah merupakan elemen terpenting dalam usaha menyampaikan risalah ajaran Islam kepada masyarakat (Masitah Esa, 2017). Justeru, sumbangan organisasi Islam dalam mengimplementasikan metode dakwah Islam amat dialu-alukan bagi membangunkan gagasan dakwah yang bersifat holistik dan praktikal. Oleh yang demikian, penganjuran program dan juga aktiviti yang bersifat mendidik tarbiah masyarakat perlu disemarakkan bagi memartabatkan syiar Islam. Ia sangat penting bagi meningkatkan kesedaran serta kefahaman yang benar mengenai Islam di kalangan masyarakat terutamanya pada zaman mencabar ini (Masitah Esa, et.al. 2017).

Sehubungan itu, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) merupakan sebuah Badan Amanah yang telah ditubuhkan sejak tahun 1974 oleh Tun Abdul Razak Hussein. Ia menjadi pemangkin kepada penyebaran dakwah di Malaysia berdasarkan kepada tujuan penubuhannya. Dengan ini, YADIM telah berusaha menganjurkan pelbagai aktiviti bertaraf nasional dan antarabangsa serta berjaya melaksanakan program serta aktiviti dakwah dan lapangan kemasyarakatan.

Seajar dengan itu, penganjuran program YADIM telah menggariskan beberapa objektif penting iaitu mengajak serta mendidik ummah agar sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam dan berusaha untuk mengamalkannya. Dengan ini, sasaran YADIM meliputi semua lapisan masyarakat dalam usaha pembinaan negara yang sejahtera demi kebaikan ummah. Bagi gerakan di kalangan pemimpin masyarakat, organisasi Islam dan masyarakat umum, mereka berganding bahu dalam rangka mendidik ummah agar sentiasa berpegang teguh dengan ajaran Islam yang sebenar. Justeru itu, program dakwah YADIM dirangka adalah berasaskan aspek pendidikan, penerbitan ilmiah, sosial dan kebajikan, kekeluargaan serta kemasyarakatan yang lebih bersistematis bagi meningkatkan imej Islam serta menghapuskan segala bentuk salah faham terhadap ajaran Islam.

Penubuhan YADIM tersebut telah menandai evolusi dakwah secara berorganisasi di negara ini. Dengan pelbagai bentuk dan wadah dakwah yang wujud, penubuhan YADIM bertujuan untuk menjalankan kegiatan dakwah dan menyelaras aktiviti dakwah yang dijalankan oleh pelbagai badan dakwah yang mula berkembang dengan banyaknya di era tahun 1970-an (Masitah et. al 2017). Hasil kajian Masitah et. al (2017) mendapati YADIM mempunyai strategi, pengurusan tertentu dalam usaha gerakan dakwahnya melalui manhaj-manhaj yang bersesuaian dengan masyarakat masa kini. Ini diterjemahkan kepada pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang, disusun dan dilaksana oleh YADIM.

Selari dengan *tagline* YADIM, iaitu ‘Melestari Gerakan Dakwah’, YADIM telah merangka pelbagai aktiviti dan menambahbaik pelaksanaannya dari masa ke semasa (www.yadim.com.my). Dari keseluruhan program dan aktiviti yang dianjurkan sejak penubuhannya, YADIM membahagikannya kepada sembilan kumpulan utama yang dipanggil *signature program* bagi mengklasifikasikan program dengan melihat tujuan pelaksanaan dan golongan sasaran serta mana-mana program yang kurang diberi tumpuan di bawah kategori tersebut. *Signature* tersebut ialah YADIM Kolaboratif, YADIM Interaktif, YADIM Lestari, YADIM Murobbi, YADIM Kader Dakwah, YADIM Maya, YADIM Peduli, YADIM Berdikari dan YADIM Karya (Pelan Strategik YADIM 2022 – 2024, 2022).

PELAKSANAAN PROGRAM YADIM PEDULI

Salah satu strategi dakwah YADIM adalah dengan melaksanakan program-program dakwah dan kebajikan bagi mendekati masyarakat. YADIM Peduli merupakan program yang berbentuk bantuan kemanusian dengan menyalurkan sumbangan melalui barang keperluan atau wang ringgit. Ia sebagai suatu langkah untuk menyedarkan masyarakat dalam satu unit sosial berdasarkan semangat bantu-membantu terutama sesama Muslim bagi melahirkan tamadun manusia yang mempunyai semangat saling peduli antara satu sama lain.

Misi bantuan YADIM PEDULI menumpukan kepada golongan asnaf, pesakit kronik, orang kelainan upaya, ibu tunggal, mualaf, anak yatim, kaum orang asli serta golongan yang memerlukan. Selain itu, program ini mengambil semangat dan rasa prihatin terhadap isu-isu berkaitan dengan umat Islam sama ada di Malaysia maupun di peringkat antarabangsa seperti yang berlaku di Palestin serta negara-negara Islam lain. Dalam menggerakkan misi bantuan YADIM Peduli, ia melibatkan pelbagai pihak yang bekerjasama berdasarkan lokasi ketika program dilaksanakan. Setiap program yang dijalankan akan mendapat kerjasama sebaiknya oleh setiap wakil yang berautoriti dalam menjayakannya seperti dari Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Lembaga Zakat, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Aman Palestin, Hospital, CIMB Islamic, ahli jawatankuasa masjid yang terlibat dan sebagainya.

Setiap sumbangan akan diberikan ketika program dijalankan secara langsung. Setakat ini, sebanyak 1717 program YADIM Peduli iaitu 17.5% telah dilaksanakan di seluruh negara iaitu bermula bulan Januari hingga Disember 2021 yang telah memperuntukkan pelbagai bentuk sumbangan termasuk keperluan harian, wang ringgit serta bantuan kepada masyarakat.

Prinsip yang ditekankan dalam setiap program YADIM Peduli ini mengambil kira nilai-nilai yang ditekankan oleh Rasulullah S.A.W. iaitu sifat bantu-membantu dan bekerjasama dalam setiap perkara. Selain itu, nilai persaudaraan juga dapat membentuk satu ikatan antara satu individu dengan individu yang lain kerana ia saling berhubung kait dan lengkap-melengkapi bagi melahirkan peribadi muslim sejati serta membentuk masyarakat Islam yang harmonis. Oleh yang demikian, penganjuran bagi setiap program yang dilaksanakan mempunyai objektif yang sama iaitu menyantuni golongan yang memerlukan

serta mewujudkan semangat tolong menolong antara satu sama lain (Nota Taklimat YADIM, 2022).

Sumbangan antaranya dalam bentuk barang keperluan harian atau wang ringgit bukan sahaja diberikan kepada masyarakat yang beragama Islam bahkan juga kepada orang bukan Islam, orang Asli termasuk pri-bumi di Sabah dan Sarawak (Nota Taklimat YADIM, 2022). Ia bertujuan untuk meringankan beban kesusahan mereka dan meningkatkan kesedaran tentang kebaikan agama Islam (Masitah et. al 2017). Antara program yang dilaksanakan di bawah kategori YADIM Peduli ialah;

1. Peduli Remaja – program ini dilaksanakan antaranya oleh YADIM Negeri Kedah, YADIM Pulau Pinang, YADIM Terengganu dan bahagian-bahagian yang lain dengan kerjasama pelbagai pihak sama ada di peringkat agensi antaranya Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional (JPNIN), Pejabat Pendidikan Daerah, Sekolah Rendah Dan Menengah dan beberapa pihak yang lain. Peserta terlibat adalah di kalangan para pelajar dan remaja yang berkonsepkan program dakwah secara santai di dalam dan luar kelas selain menikmati alam semula jadi. Kandungan program meliputi pendedahan pelbagai ilmu insani, pembangunan kemahiran pembelajaran dan kepimpinan yang bertujuan untuk melatih para peserta sebagai pemimpin, pengucapan awam, motivasi dan bekerja sebagai satu pasukan

2. Program YADIM Bersamamu dilaksanakan di Bahagian Penyelaras NGO dan Rakan Strategik serta YADIM Negeri antaranya di Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Melaka, Johor dan Negeri Sembilan. Program ini kerjasama antaranya Pusat Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Penjara Malaysia/Negeri, Penghuni Penjara, Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik, Yayasan Islam Terengganu dan pelbagai pihak yang lain. Sasaran program ini adalah di kalangan para penghuni penjara, pelajar Sekolah Tunas Bakti dan sebagainya. Pengisian program YADIM Bersamamu berkonsepkan menyantuni dan mendekati peserta dengan cara berhikmah bagi memberi kesedaran dan keinsafan serta meningkatkan pengetahuan keagamaan kepada para peserta dalam menjalani kehidupan di muka bumi ini. Selain itu juga, YADIM mengadakan program keagamaan seperti kelas mengaji Al-Quran, ceramah agama dan motivasi dan lain-lain aktiviti dengan penghuni penjara secara berkala pada setiap bulan.

3. *Musa'adah* Covid 19 telah dilaksanakan disebabkan Kawalan Pergerakan Wabak Covid-19 yang berlaku di seluruh dunia termasuk Malaysia. YADIM telah mengambil peranan proaktif dalam usaha untuk membantu masyarakat di seluruh negara. Program ini telah digerakkan di Bahagian Khidmat Bakti dan YADIM negeri-negeri. Bantuan yang disalurkan antaranya wang tunai dan barang makanan serta keperluas asas. Program ini dijalankan dengan kerjasama pelbagai agensi, Badan Bukan Kerajaan (NGO), swasta dan sebagainya. Program *Musa'adah* pada 2021, sebanyak 1,167 program telah dilaksanakan yang menyantuni 79,118 orang atau keluarga dan 68 buah institusi serta melibatkan perbelanjaan berjumlah RM3,062,011.30 (Laporan Tahunan YADIM 2021)
4. Peduli Asnaf dilaksanakan antaranya oleh YADIM Sarawak, YADIM Pulau Pinang, YADIM Kelantan, YADIM Kedah, Sukarelawan YADIM dan bahagian/YADIM Negeri yang lain. Dalam menjayakan program ini, penglibatan pihak agensi, swasta antaranya CIMB Islamik Bank Berhad, Jabatan Perpaduan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sebagainya juga turut terlibat dalam menjayakan program ini yang telah diadakan di lapangan bagi menyantuni masyarakat terutamanya golongan asnaf. Mereka menerima sumbangan barang keperluan asas dan wang tunai. Selain itu, program di bulan Ramadhan juga telah diadakan bagi mengimarahkan dan menyemarakkan aktiviti kemasyarakatan dengan penyampaian sumbangan barang keperluan harian, bubur lambuk, majlis berbuka puasa dan sahur, tadarus al-Quran, ceramah agama dan lain-lain aktiviti dalam bulan Ramadhan.
5. *Is'adul Usrah* merupakan program kebajikan yang berbentuk bantuan membaik pulih, rumah, surau dan atau pusat kegiatan bagi mendekati golongan kurang bernasib baik. Sebanyak 29 program telah dilaksanakan yang memberi manfaat kepada 143 keluarga. Projek yang dijalankan melibatkan 125 buah rumah, 4 buah masjid atau pusat kegiatan. Jumlah peruntukan keseluruhan program ini adalah sebanyak RM624,680.80 (Laporan Tahunan YADIM 2021).

6. Program sumbangan wakaf *Al-Rahiq Al-Makhtum Sirah Nabawiyah*. Menurut pegawai Bahagian Pelaburan dan Penajaan memaklumkan bahawa pemberian ini merupakan hasil sumbangan dari masyarakat yang diterima sebanyak RM32,900.00 Sebanyak 329 naskhah akan diberikan kepada pihak perpustakaan, Pusat Tahfiz, masjid, surau dan sekolah-sekolah yang terpilih. Antara institusi yang telah menerima sumbangan wakaf buku ini ialah Akademi Tahfiz Nurul Al-Quran, Maahad Tahfiz Imam As-Syafie Bangi, Mahaad Tahfiz Pondok Durani, Darul Ulum Al-Ittihadiyyah dan Maahad Tahfiz Orkeed Huffaz.


Secara keseluruhannya pada tahun 2021, pendekatan program YADIM dalam menyemarakkan kegiatan dakwah antaranya YADIM Peduli sebanyak 1717 atau 17.5% program adalah dengan cara mengadakan kolaboratif dengan rakan strategik seperti agensi kerajaan dan swasta, komuniti setempat dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Penglibatan rakan strategik YADIM ini telah berjaya membantu pelaksanaan program dalam pelbagai peringkat sama ada peringkat komuniti mahupun peringkat negeri (laporan Tahunan YADIM 2021).

PENERIMAAN SASARAN TERHADAP PROGRAM YADIM PEDULI

Borang soal selidik telah diedarkan melalui pelbagai media sosial menggunakan *google form*. Soalan dibentuk berdasarkan skala 1 hingga 5 iaitu skala 1 untuk Sangat Tidak Setuju hingga ke Skala 5 iaitu Sangat Bersatu.


Bahagian Demografi Responden

Seramai 189 orang telah menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan iaitu 105 orang adalah responden wanita dan 84 orang adalah responden lelaki yang tinggal di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak sebagaimana demografi di bawah,



Jadual 1: Tahap Usia

Berdasarkan Jadual 1 di atas, seramai 65 orang (34.5%) berusia 19- 24 tahun, 22 orang (11.6%) berusia 25- 29 dan 30-39 tahun manakala 39 orang (20.6%) berusia 40- 49 tahun. Kepelbagaiannya usia dalam kalangan responden ini memperlihatkan program dakwah YADIM tersebar dengan lebih meluas meliputi warga belia hingga warga emas. Daripada jumlah tersebut 173 orang (91.5%) berbangsa Melayu manakala selebihnya berlainan bangsa (Cina, Iban, Kadazan, Dusun dan lain-lain). Daripada jumlah tersebut, 69 orang (36.5%) tinggal di Selangor, Kuala Lumpur dan Sabah seramai 14 orang (7.4%), Johor dan Pahang 11 orang (5.8%), Perak dan Kedah 10 orang (5.3%). Kelantan dan Melaka 9 orang (4.8%), Terengganu dan Sarawak 8 orang (4.2%) manakala Pulau Pinang dan Negeri Sembilan 6 orang (3.2%) dan Perlis 4 orang (2.1%). Penglibatan pelbagai peringkat umur dalam kalangan masyarakat menunjukkan bahawa program ini memberikan kesan dalam aspek kesukarelawanan untuk mereka turut sama dalam melaksanakan program-program kemasyarakatan.




Jadual 2: Tahap pendidikan

Berdasarkan Jadual 2, seramai 124 orang (65.6%) memiliki tahap pendidikan di peringkat Universiti disertai seramai 35 orang (18.5%) di peringkat Kolej manakala peringkat sekolah menengah seramai 29 orang (15.3%). Secara keseluruhannya, responden memiliki tahap pendidikan yang baik. Daripada jumlah tersebut, 71 orang masih belajar, 53 orang penjawat awam, 27 orang pekerja swasta dan 23 orang bekerja sendiri manakala yang lain dari pelbagai sektor termasuk 2 orang pesara. Dari data ini menunjukkan bahawa aspek pendidikan telah memberi mereka pengetahuan dan pendedahan akan program-program lapangan masyarakat.

Bahagian 2: Penyertaan Program YADIM Peduli

1. YADIM PEDULI Saya menyertai program kemanusiaan yang dianjurkan oleh YADIM

189 responses




Jadual 3: Penyertaan program YADIM Peduli

Berdasarkan Jadual 3 di atas, seramai 98 orang tidak menyertai atau tidak terlibat dengan program YADIM Peduli manakala 91 orang menyertainya. Antara program yang paling ramai disertai ialah program Khidmat Bakti/ Khidmat Dakwah iaitu seramai 38 orang (20.1%). Penerima barang keperluan atau wang ringgit seramai 29 orang (15.3%), penerima sumbangan ramadhan seramai 26 orang (13.8%), menyertai YADIM bersamamu 25 orang (13.2%) dan Peduli Asnaf seramai 25 orang (13.2%). Penyertaan dalam *Musa'adah Covid 19* seramai 24 orang (12.7%) manakala program ziarah 15 orang (7.9%) dan selebihnya menyertai program YADIM Peduli yang lain. Walaupun dilihat ramai yang tidak terlibat dengan YADIM Peduli, namun penyertaan dalam program ini masih menggalakkan terutama

dalam kalangan mahasiswa lantaran adanya Rakan Siswa YADIM di kebanyakan IPTA/S di seluruh Malaysia.

Bahagian C: Penerimaan Terhadap Program YADIM Peduli

28. YADIM PEDULI (Penyertaan dalam program penyampaian sumbangan dan bantuan kemanusiaan) Pengurusan sumbangan/ bantuan tersusun dan cekap
145 responses




Jadual 4: Pengurusan Sumbangan/ Bantuan

Berdasarkan Jadual 4, seramai 145 orang memberi maklumbalas terhadap penerimaan program YADIM Peduli. Daripada 5 Skala yang diberikan, 49 orang (33.8%) Sangat Bersetuju menyatakan pengurusan sumbangan/ bantuan tersusun dan cekap manakala 62 orang (42.8%) bersetuju dan hanya 2 orang (1.4%) sahaja yang Sangat Tidak Bersetuju. Dapatkan ini menunjukkan program ini diurus oleh YADIM dengan baik dan cekap.

29. YADIM PEDULI Bentuk sumbangan sesuai dengan keperluan penerima


141 responses



Jadual 5: Kesesuaian Bentuk Sumbangan

Jadual 5 di atas menunjukkan 110 orang (30.5% Sangat Setuju dan 47.5% Bersetuju) menyatakan kesesuaian sumbangan yang diperlukan dengan keperluan sasarannya. Manakala 2 orang tidak bersetuju (seorang Sangat Tidak Setuju dan 1 orang Tidak Setuju) manakala 20.6% mengambil jalan tengah. Oleh itu, secara umumnya, sumbangan yang diberikan dalam program YADIM Peduli sesuai dengan keperluan sasaran.

30. YADIM PEDULI Masa penyampaian diberikan sesuai dengan penerima dan sukarelawan
142 responses




Jadual 6: Masa penyampaian

Berdasarkan jadual 6, responden menyatakan masa penyampaian adalah sesuai dan bertepatan dengan keperluan penerima dan masa sukarelawan yang menguruskan. Hal ini diakui oleh 45 orang (31.7%) Sangat Bersetuju dan 64 orang (45.1%) Bersetuju manakala 31 orang (21.8%) Agak Bersetuju. Hanya 2 orang menyatakan Tidak Bersetuju. Dari data ini menunjukkan bahawa pelaksanaan program yang disusun oleh pihak YADIM bersesuaian dengan keperluan masyarakat dan penetapan masa sama ada daripada pihak penerima atau sukarelawan.

31. YADIM PEDULI Jumlah sukarelawan yang menyertai mencukupi

144 responses




Jadual 7: Jumlah Sukarelawan

Berdasarkan Jadual 7, responden menyatakan jumlah sukarelawan yang menyertai program YADIM Peduli mencukupi. Hal ini diakui oleh 40 orang (27.8%) Sangat Bersetuju, 56 orang (38.9%) Bersetuju dan 40 orang (27.8%) Agak Bersetuju. Hanya 8 orang menyatakan jumlah sukarelawan tidak mencukupi. Hasil dari dapatan ini menunjukkan bahawa penyertaan sukarelawan dalam sesuatu program adalah mencukupi bagi menjayakan program tersebut.

32. YADIM PEDULI Kemudahan logistik sesuai dan mencukupi untuk membawa sukarelawan ke tempat kejadian

138 responses



Jadual 8: Kemudahan Logistik

Bagi menjawab soalan berkaitan dengan kemudahan Logistik, hanya 138 orang responden menjawab soalan ini dan hanya 6 orang tidak bersetuju dengan kemudahan yang disediakan. Namun selebihnya bersetuju dengan 36 orang (26.1%) Sangat Setuju, 58 orang (42%) Bersetuju dan 38 orang (27.5%) Agak Bersetuju. Namun pihak YADIM perlu

meningkatkan lagi kemudahan logistik bagi melancarkan program bantuan kemanusiaan dijalankan dan disertai dengan lebih ramai lagi sukarelawan.

Bahagian Keberkesanan Program


Bahagian ini akan melihat bagaimana program dakwah YADIM memberi kesan kepada masyarakat terutama dalam melaksanakan program YADIM Peduli. Berdasarkan soal selidik, 150 orang menjawab soalan bahagian ini. Keberkesanan diukur dari aspek pembangunan spiritual, pembangunan fizikal, pembangunan emosi, pembangunan Intelektual dan pembangunan Sosial.

1. Pembangunan Spiritual

Aspek pembangunan spiritual merupakan aspek yang penting dalam membangun diri seseorang. Ia berkaitan dengan penciptaan roh yang membolehkan jasad berfungsi dengan baik. Oleh itu, spiritual perlu dibangunkan bagi meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW dan meningkatkan amalan kebaikan serta mampu mengurus nafsu dengan lebih teratur. Menurut Munirah (2023), pembangunan spiritual akan menghasilkan kekuatan dalaman manusia secara utuh seterusnya mampu menyerlahkan penampilan diri.

- SPRITUAL Keyakinan saya terhadap Islam semakin meningkat selepas mengikuti program-program anjuran YADIM.

150 responses




Jadual 9: Keyakinan Terhadap Islam

Berdasarkan soal selidik, 71 orang (47.3%) Sangat Bersetuju bahawa program dakwah YADIM telah meningkatkan keyakinannya terhadap Islam diikuti 59 orang (39.3%) Bersetuju dan 16 orang (10.7%) Agak Bersetuju. Manakala 4 orang (2.6%) sahaja Tidak Bersetuju keyakinannya terhadap Islam disebabkan penyertaannya dalam program YADIM. Hal ini berkemungkinan mereka pernah menyertai program yang dianjurkan oleh pihak lain.

2. SPIRITUAL Kefahaman saya tentang Islam semakin meningkat selepas menyertai program anjuran YADIM.


145 responses



Jadual 10: Kefahaman Terhadap Islam

Jadual 10 pula menunjukkan kefahaman responden terhadap Islam yang semakin meningkat selepas menyertai program dakwah YADIM. 66 orang (45.5%) Sangat Bersetuju dan 62 orang (42.8%) Bersetuju manakala 15 orang (10.3%) Agak Bersetuju. Hanya 2 orang (1.4%) Sangat Tidak Bersetuju. Dapatan menunjukkan kefahaman peserta program YADIM begitu menggalakkan kerana mampu meningkatkan kefahaman mereka dengan lebih baik terhadap Islam. Melalui program YADIM Peduli, peserta dan penerima bantuan akan memahami bahawa Islam adalah agama yang yang mementingkan persaudaraan dan hidup saling bantu-membantu.

3. SPIRITUAL Pelaksanaan ibadah saya semakin baik selepas menyertai program anjuran YADIM.
145 responses



Jadual 11: Pelaksanaan Ibadah


Secara umumnya, responden mengakui bahawa program YADIM berjaya menambahbaik pelaksanaan ibadah mereka. Hal ini diakui oleh 60 orang (41.4%) responden yang Sangat Bersetuju dan 65 orang (44.8%) Bersetuju serta 17 orang (11.7%) Agak bersetuju dengan program YADIM yang mampu menambahbaikkan pelaksanaan ibadah mereka. Kebersamaan masyarakat bersama program dakwah YADIM akan mendekatkan mereka dengan aktiviti dakwah lain yang bersifat internal mahupun external. Pengisian-pengisian di sepanjang program seperti YADIM Peduli merupakan program yang boleh membantu meningkatkan daya tahan spiritual mereka dengan lebih kuat.

2. Pembangunan Fizikal

Pembangunan fizikal berkait dengan aspek jasad dan penampilan diri seseorang. Ia penting dibangunkan dalam program dakwah kerana kesihatan dan kekuatan fizikal seseorang akan menjadikan semangat dan keberadaan mereka dalam mendekatkan diri kepada Maha Pencipta. Menurut Nur Shahidah (2023) Islam amat mementingkan keperluan fizikal manusia terutama yang berkaitan dengan makanan halal, perlindungan, keselesaan dan kerehatan.

4. FIZIKAL Saya memastikan barang keperluan harian saya halal lagi baik untuk keluarga saya selepas mengikuti program YADIM

142 responses




Jadual 12: Mencari yang Halal sebagai sumber pendapatan

Dari aspek pembangunan fizikal 139 responden bersetuju program dakwah YADIM mampu memberi kesedaran kepada mereka untuk mendapatkan barang keperluan harian yang halal untuk keluarga mereka dan hanya 3 orang (2.1%) yang menyangkalnya. Berdasarkan Jadual 12 di atas, 59 orang (41.5%) responden Sangat Bersetuju diikuti 63 orang (44.4%) Bersetuju dan 17 orang (12%) Agak Bersetuju. Hal ini memperlihatkan program YADIM Peduli berupaya memastikan masyarakat Muslim terutamanya dalam kalangan Asnaf mendapat bantuan dan mendapatkan keperluan harian secara halal.

5. FIZIKAL Saya memperbaiki penampilan diri saya (imej, akhlak) sebagai seorang muslim/Muslimah yang baik selepas menyertai program YADIM.

143 responses




Jadual 13: Penampilan Diri (imej dan akhlak)

Berdasarkan Jadual 13, hanya 2 orang (1.4%) tidak bersetuju bahawa program YADIM mampu memperbaiki penampilan diri mereka terutama akhlak dan imej diri mereka. Namun, 124 orang (86.8%) manakala 17 orang (11.89%) agak bersetuju. Maklum balas ini memperlihatkan bahawa YADIM Peduli amat mementingkan hubungan yang baik dengan sasarannya.

6. FIZIKAL Saya memperbaiki pengurusan diri (masa, keluarga, kerjaya) saya sebagai seorang muslim/Muslimah yang baik selepas menyertai program YADIM.

143 responses



Jadual 14: Pengurusan diri (masa, keluarga dan kerjaya)

Berdasarkan Jadual 14 di atas, didapati 2 orang sahaja tidak bersetuju program YADIM telah memperbaiki kemahirannya dalam pengurusan diri terutama dari aspek pengurusan masa, keluarga dan kerjaya. Namun ia tidak menunjukkan kelemahan program YADIM kerana 122 orang (85.4%) bersetuju dengan perubahan dirinya dalam perihal pengurusan diri manakala 19 orang (13.3%) agak bersetuju. Hal ini memperlihatkan maklum balas yang positif terhadap program YADIM dalam perkara memperbaiki pengurusan diri peserta dan sasaran terutama semasa program YADIM Peduli berlangsung yang memerlukan komitmen daripada peserta.


3. Pembangunan Intelektual

Perkembangan intelektual merupakan aspek yang penting bagi menjadikan umat Islam sentiasa memiliki kewarasan dan daya pemikiran yang sihat serta meningkatkan pengetahuan agar lebih matang dalam memahami Islam sebagai cara hidup. Muhammed Yusof dan Ashraf M Zedan (2023) menjelaskan akal manusia mampu melihat dan merenung sesuatu fenomena

di alam ini serta mampu mengaitkan sebab dengan akibat yang berlaku. Kemampuan manusia berfikir ini merupakan keistimewaan yang Allah kurniakan kepada manusia yang membezakannya dengan makhluk lain yang diciptakan-Nya dan penggunaan akal pula membezakan antara manusia itu sendiri, sebagaimana firman Allah SWT;

Terjemahan: “*Katakanlah lagi (kepadanya): “adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?” Sesungguhnya orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang yang berakal sempurna*” (Az-Zumar, 39:9).

7. INTELEKTUAL Saya mampu meningkatkan ilmu pengetahuan tentang Islam selepas menyertai program YADIM
146 responses




Jadual 15: Pembangunan Intelektual

Berdasarkan Jadual 15, responden sangat bersetuju dan bersetuju program YADIM mampu meningkatkan intelek mereka iaitu oleh 124 orang (84.9%) manakala 20 orang (13.7%) agak bersetuju. Hal ini memperlihatkan maklumbalas positif terhadap program dakwah YADIM dalam meningkatkan keilmuan peserta. YADIM Peduli merupakan program yang memberi pendidikan kepada peserta bahawa amalan bersedekah dan meringankan beban saudara seagma merupakan amalan yang digalakkan oleh Islam sebagaimana dijelaskan dalam al-Quran;

Terjemahan: “*Dan (ketahuilah), apa sahaja yang kamu belanjakan (dermakan) atau apa sahaja yang kamu nazarkan maka sesungguhnya Allah mengetahui-Nya dan (ingatlah), orang yang zalim itu tidak ada sesiapa pun yang dapat menolongnya. Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). Dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu; dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan*” (Al-Baqarah, 2:270-271).

8. INTELEKTUAL Saya berminat untuk terus menimba ilmu melalui program YADIM pada masa akan datang

147 responses



Jadual 16: Minat menuntut ilmu


Berdasarkan Jadual 16, responden majoriti responden berminat untuk terus menuntut ilmu melalui program YADIM kecuali seorang (0.7%) sahaja. Seramai 64 orang (43.5%) amat bersetuju manakala 57 orang (38.8%) bersetuju memperlihatkan kepentingan ilmu dalam meningkatkan kefahaman terhadap agama Islam. YADIM Peduli merupakan antara program yang mampu mendorong peserta dan penerima bantuan kemanusiaan untuk memahami Islam dengan lebih lanjut lagi lantaran keyakinan mereka terhadap Islam.

4. Pembangunan Emosional

Kestabilan emosi akan menjadikan seseorang mencapai ketenangan dan berlapang dada dalam menerima apa sahaja ujian dalam kehidupan. Menurut Yusmini Md Yusoff (2023) ketenangan emosi akan dapat dicapai apabila manusia mampu mengenali diri dan Penciptanya serta percaya dengan apa yang dirancang atau yang telah ditentukan oleh Ilahi. Bantuan kemanusiaan yang dilaksanakan oleh YADIM Peduli memperlihatkan cara manusia merancang untuk menyampaikan bantuan kepada yang memerlukan dengan keizinan daripada Allah SWT. Bantuan seumpama ini sekurang-kurangnya dapat memberi kebahagiaan dan kegembiraan kepada penerima bantuan.

8. EMOSIONAL Saya mampu mengurus emosi saya sebagai seorang muslim/muslimah yang baik selepas menyertai program YADIM.

144 responses




Jadual 17: Pengurusan Emosi

Berdasarkan Jadual 17, program dakwah YADIM mampu melahirkan umat Islam yang boleh mengurus emosi dengan baik. Bantuan kemanusiaan yang dijalankan diterima baik oleh 142 orang (98.7%) responden. Hanya dua orang sahaja yang tidak bersetuju (1.4%). Hal ini memperlihatkan bantuan kemanusiaan akan melegakan emosi sasaran yang sedang dilanda masalah seperti kehilangan nyawa dan harta benda. Peserta pelaksana bantuan kemanusiaan pula dapat menginsafi diri dan akan lebih bersyukur dengan kehidupan yang dilaluinya kerana di sebalik ujian akan ada hikmah dan rahmah di sebaliknya, sebagaimana dijelaskan dalam surah;

Terjemahan: "Sesungguhnya, Kami telah menciptakan manusia daripada setitis air mani yang bercampur, yang Kami menguji (dengan perintah dan larangan), kerana itu Kami jadikan dia mendengar dan melihat. Sesungguhnya, Kami telah menunjukkan kepadanya jalan yang lurus, ada yang bersyukur dan ada pula yang kufur (Al-Insan, 76:2-3).

9. EMOSIONAL Saya berjaya melatih diri untuk bersabar menghadapi cabaran dan ujian hidup selepas mengikuti program YADIM

143 responses



Jadual 18: Latihan menghadapi Ujian Hidup


Berdasarkan Jadual 18 di atas, pengurusan emosi adalah penting agar peserta dan sasaran bersedia melalui ujian dan cabaran dalam kehidupan. Penyertaan dalam program YADIM mampu melatih respondan untuk bersabar dalam menghadapi cabaran hidup. Melihat kesusahan orang lain semasa memberi bantuan kemanusiaan memberi keinsafan bahawa kesusahan kita tidak sesusah orang lain dan yang menerima bantuan insaf bahawa Allah sentiasa bersamanya dan akan meringankan bebaninya melalui orang yang bermurah hati membantu. Hal ini sesuai dengan Firman Allah SWT;

Terjemahan: “*Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya. Dia mendapat (pahala) daripada (kebaikan) yang dilakukannya dan dia mendapat (seksaan) daripada (kejahatan) yang dilakukannya* (Al-Baqarah, 2:286)

5. Pembangunan Sosial

Kestabilan keempat-empat aspek di atas- Spiritual, Fizikal, Intelektual dan Emosional, akan membantu dalam pembangunan sosial seseorang. Pembangunan sosial dikatakan oleh Nurul Husna dan Khairul Hamimah (2023) sebagai suatu program perubahan yang dirancang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat berupa nilai, norma dan tingkah laku mereka. Ia juga menyediakan perkhidmatan berkualiti bagi memenuhi kesejahteraan sosial, mengenalpasti kesan dasar dan program ke atas masyarakat dan berusaha menghapuskan faktor yang memberi kesan ke atas sesuatu masalah sosial.


10. SOSIAL Saya mampu meningkatkan kemahiran sosial saya selepas menyertai program YADIM.
144 responses



Jadual 19: Meningkatkan kemahiran sosial

Lantaran itu, Jadual 19 memperlihatkan kemampuan program YADIM dalam usaha meningkatkan kemahiran peserta sebagaimana dinyatakan oleh 58 responden (40.3%) amat bersetuju dan 64 responden (44.4%) bersetuju disertai 20 responden (13.9%) agak bersetuju. Hanya 2 orang responden tidak bersetuju memperlihatkan pandangan mereka tidak menjelaskan keberkesanan program dakwah YADIM, terutama melalui YADIM Peduli.

12. SOSIAL Saya boleh berinteraksi dan mengikuti program kemasyarakatan selepas menyertai program YADIM
142 responses



Jadual 20: Kemampuan Berinteraksi

Program YADIM Peduli memerlukan interaksi antara peserta dengan penerima bantuan. Melalui interaksi dan komunikasi yang betul, hubungan yang baik akan dapat dilaksanakan dan akan menggembirakan mangsa yang sedang dalam kedukaan atau kesedihan. Berdasarkan Jadual 20, responden amat bersetuju dan bersetuju dengan kemampuan program dakwah YADIM dalam meningkatkan kemahiran berinteraksi mereka. Hal ini diakui oleh 140 orang responden (98.6%). Kajian menjangkakan dua orang yang tidak bersetuju tersebut adalah responden yang tidak mengikuti program dakwah YADIM.

KESIMPULAN

YADIM Peduli merupakan program yang amat penting dalam dakwah YADIM kerana melaluinya, YADIM dapat berhubung rapat dengan masyarakat awam. Aktiviti turun ke lapangan memperlihatkan impak yang besar dan kesungguhan YADIM sebagai sebuah institusi dakwah yang prihatin bukan sahaja terhadap umat Islam bahkan kepada masyarakat bukan Islam kerana Islam merupakan agama yang selamat dan menyantuni semua makhluk di muka bumi ini. Aktiviti ini juga untuk meringankan bebanan masyarakat selain daripada memberi manfaat untuk kesejahteraan kepada komuniti dalam memupuk perasaan bertimbang rasa dan keprihatinan terhadap mereka yang memerlukan dan para peserta yang mengikuti program ini turut sama menyumbang sama ada dalam bentuk tenaga, pengetahuan serta kemahiran.

PENGHARGAAN

Pengarang mengucapkan terima kasih kepada YADIM di atas sokongan dan kemudahan bagi menjalankan penyelidikan ini dan sesi pembentangan di International Conference On Islam In Malay World XII (ICON-IMAD XII) 2023 pada 24-26 Julai 2023 di Adya Hotel Langkawi, Kedah.

RUJUKAN

Masitah Esa 1 et al., “Metodologi Dakwah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) kepada Masyarakat: Satu Tinjauan Awal”, *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3(2), 2017 26-37, e-ISSN: 2289-960X, (2017)

Monika @ Munirah Abd Razzak (2023) Pembangunan Spiritual Pendakwah Kontemporer dalam Nor Raudah Hj Siren dan Nur Shahidah Pa'ad, *Pembangunan Modal Insan, Panduan untuk Pemdaikwah Profesional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, (2023) 72

Muhammed Yusof dan Ashraf M. Zedan, Pembangunan Minda. Dalam Nor Raudah Hj Siren dan Nur Shahidah Pa'ad, *Pembangunan Modal Insan, Panduan untuk Pemdaikwah Profesional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, (2023) 121-122

Nurul Husna Mansor & Khairul Hamimah Mohamad Jodi. Pembangunan Sosial dalam Dakwah. Dalam Nor Raudah Hj Siren dan Nur Shahidah Pa'ad, *Pembangunan Modal Insan, Panduan untuk Pemdaikwah Profesional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, (2023) 144- 145

Nur Shahidah Paad. Pembangunan Fizikal, dalam dalam Nor Raudah Hj Siren dan Nur Shahidah Pa'ad, *Pembangunan Modal Insan, Panduan untuk Pemdaikwah Profesional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, (2023) 77

Nor Raudah Hj Siren dan Nur Shahidah Pa'ad, *Pembangunan Modal Insan, Panduan untuk Pendakwah Profesional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, (2023)

Pelan Strategik Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia 2022 – 2024, 2022. Putrajaya: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

Laporan Tahunan YADIM 2021. Putrajaya: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

Yusmini Md Yusoff, Pembangunan Emosi, dalam Nor Raudah Hj Siren dan Nur Shahidah Pa'ad, *Pembangunan Modal Insan, Panduan untuk Pemdaikwah Profesional* 114l. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, (2023)